

MURSYID ALHARAMAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD (KPK/LN 7767 / LKU 0025)

Unit A-1, First Floor, Block 1, Jalan Tinju 13/50, Worldwide Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor

GROUP SERIES TRANS INDONESIA 8 WILAYAH : 09 HARI 08 MALAM

Hari 1 	Kuala Lumpur – Surabaya ♦ Berkumpul di Lapangan Terbang dan berlepas dari KLIA ke Surabaya ♦ Tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Surabaya, pemandu pelancong kami akan menemui peserta ♦ Menuju ke Madura untuk makan tengahari di Bebek Sinjay Madura ♦ Kemudian, ziarah Makam Wali Allah (Sunan Ampel) ♦ Seterusnya, makan malam serta check in hotel Surabaya untuk berehat
Hari 2 	Surabaya – Malang ♦ Sarapan pagi dan check out hotel ♦ Peserta akan melawat ke Monumen Kapal Selam dan Tugu Suro & Boyo serta makan tengahari ♦ Kemudian, perjalanan akan diteruskan menuju ke Lumpur Lapindo untuk makan malam ♦ Check in Hotel di Malang untuk berehat
Hari 3 	Bromo – Malang ♦ Peserta akan melakukan Bromo Tour dengan menaiki Jeep di mana peserta akan melihat Sunrise ♦ Melalui Semeru Lawang serta bergambar semasa Savana Tour ♦ Kemudian, makan tengahari dan mengunjungi Petik Apel Malang di mana peserta boleh memetik epal sendiri ♦ Kembali ke hotel untuk makan malam dan berehat.
Hari 4 	Malang – Merapi Tour – Jogja ♦ Sarapan dan check out hotel ♦ Perjalanan akan diteruskan menuju ke Jogja ♦ Setibanya di sana, peserta akan makan tengahari dan bersedia untuk melakukan Merapi Tour dengan menaiki Jeep ♦ Seterusnya, makan malam dan check in hotel di Jogja untuk berehat
Hari 5 	Jogjakarta ♦ Sarapan pagi dan peserta akan melawat Keraton Jogja, sebuah muzium istana serta mengunjungi Tebing Breksi untuk bergambar ♦ Kemudian, makan tengahari dan peserta berpeluang mempelajari Seni Batik Jogja beserta Shopping Ole-Ole Jogja ♦ Makan malam dan jalan santai di Jalan Malioboro serta pulang ke hotel untuk berehat
Hari 6 	Jogjakarta – Semarang – Bandung ♦ Sarapan dan check out hotel ♦ Peserta akan menuju ke Lawang Sewu Semarang untuk melihat keunikan yang ada di tempat tersebut ♦ Kemudian, peserta akan menuju Bandung melalui Lebuhraya dan setibanya di sana, makan tengahari dan ronda di kawasan Kota Bandung ♦ Seterusnya, mengunjungi Jalan Asia Afrika dan singgah di Rumah Kain Sulam Bandung ♦ Makan malam dan check in Hotel di Bandung
Hari 7 	Bandung ♦ Sarapan pagi dan peserta akan menuju ke Wisata Edukasi Kopi Luwak untuk peserta mempelajari cara penghasilan kopi Luwak ♦ Kemudian, menuju ke The Lodge Maribaya dan makan tengahari serta mengunjungi Floating Market Lembang ♦ Seterusnya, membeli belah di Rumah Mode F.O.S dan Ole-Ole Bandung ♦ Makan malam dan kembali ke hotel untuk berehat
Hari 8 	Bandung – Jakarta via train ♦ Sarapan pagi dan check out hotel ♦ Peserta akan membeli oleh-oleh dan menuju ke Pasar Baru Trade Centre untuk membeli belah serta makan tengahari ♦ Menuju ke Jakarta dengan menaiki keretapi (Whoosh Train) ♦ Setibanya di sana, melakukan tour di Kota Tua Jakarta dan makan malam serta check in hotel di Jakarta

MURSYID ALHARAMAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD (KPK/LN 7767 / LKU 0025)

Unit A-1, First Floor, Block 1, Jalan Tinju 13/50, Worldwide Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor

Hari 9	Jakarta – Kuala Lumpur Sarapan pagi dan check out hotel, peserta akan bergambar di Monumen Nasional (MONAS) sebelum menuju ke Lapangan Terbang Antarabangsa Jakarta untuk penerbangan pulang ke Malaysia
---------------	---

Susunan tentatif adalah bergantung kepada keadaan cuaca, trafik semasa dan sebarang kejadian yang tidak dijangka dengan notis atau tanpa notis.

Tempoh Masa : 09 Hari 08 Malam

Tahun : 2026

Status : Kumpulan

Pakej Termasuk :

- ◆ Penerbangan pergi dan balik
- ◆ Percuma Jeep Merapi Tour dan Bromo Tour
- ◆ Percuma Train Woosh sehalu (Bandung – Jakarta)
- ◆ Penginapan sepanjang lawatan
- ◆ Makan dan minum seperti dalam jadual
- ◆ Tiket tempat lawatan seperti dalam jadual
- ◆ Pengangkutan sepanjang lawatan
- ◆ Pemandu pelancong

Pakej Tidak Termasuk :

- ◆ Insurans perjalanan
- ◆ Tipping RM 230/pax
- ◆ Caj peak season RM 350/pax (Jika ada)
- ◆ Meal On Board (RM 40/pax untuk pergi & balik)
- ◆ Segala yang tidak dinyatakan dalam jadual

MURSYID ALHARAMAIN TRAVEL & TOURS SDN. BHD (KPK/LN 7767 / LKU 0025)

Unit A-1, First Floor, Block 1, Jalan Tinju 13/50, Worldwide Business Park, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor

NOTA KADAR:

Semua kadar adalah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (MYR) dan tertakluk kepada perubahan tanpa notis terlebih dahulu disebabkan oleh turun naik mata wang dan peraturan cukai kerajaan. Caj tambahan musim tinggi dan musim puncak akan dikenakan secara automatik dalam setiap kadar, termasuk makan malam wajib bagi tempoh tertentu.

POLISI PEMBATALAN:

Sekiranya tempahan yang telah dijamin dibatalkan, caj pembatalan akan dikenakan. Kadar caj pembatalan adalah mengikut Terma & Syarat Hotel dan akan dimaklumkan.

LIABILITI:

MURSYID ALHARAMAIN TRAVEL & TOURS bertindak hanya sebagai perantara antara pelanggan dengan syarikat pengangkutan, hotel, dan semua kontraktor yang menyediakan perkhidmatan. Oleh itu, pihak syarikat tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kelewatan, kecederaan, kehilangan, kerosakan atau sebarang ketidakteraturan yang mungkin berlaku semasa pelaksanaan perkhidmatan.

PEMBAYARAN BALIK (REFUND):

Tiada bayaran balik atau pengurangan akan diberikan kepada pelanggan yang tidak mengambil bahagian dalam mana-mana hidangan, lawatan persiaran atau perkhidmatan pemindahan bilik hotel bagi tempahan yang telah disahkan.

PORTER & TIP:

Para pelancong perlu membayar caj porter di mana-mana lapangan terbang melainkan telah dinyatakan termasuk dalam pakej pelancongan. Di sesetengah destinasi pelancongan seperti di Mesir, adalah menjadi kebiasaan untuk memberikan tip kepada pemandu, porter hotel dan pemandu pelancong tempatan. Jumlah tip adalah berbeza dan ketua rombongan akan memberi nasihat kepada para pelancong.

SELEPAS PENGESAHAN, PELANGGAN DIKEHENDAKI:

- a) Mengisi borang pendaftaran
- b) Mengisi borang permohonan visa (jika diperlukan)
- c) Membayar deposit RM 1000 seorang (tidak boleh dikembalikan)
- d) Menjelaskan bayaran penuh 60 hari sebelum tarikh berlepas bagi urusan darat dan bayaran penuh semasa tempahan untuk tiket penerbangan
- e) Memberikan senarai nama, tarikh lahir dan senarai penginapan bilik
- f) Menyerahkan salinan pasport setiap pelanggan dengan tempoh sah laku melebihi 6 bulan dari tarikh berlepas

Pelanggan dianggap telah memahami dan bersetuju dengan semua terma dan syarat yang dikenakan sebaik sahaja mendaftar dengan MURSYID ALHARAMAIN TRAVEL & TOURS.